

USIM taja 10,000 naskhah Berita Harian

Oleh Wan Faizal Ismaytim

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) menaja 10,000 naskhah akhbar *Berita Harian* kepada lapan sekolah dalam usaha membantu meningkatkan prestasi pelajar.

Menerusi tajaan itu, USIM yang dulunya dikenali Kolej Universiti Islam Malaysia mengedarkan akhbar berkenaan setiap minggu ke sekolah terpilih.

Buat permulaan, dua sekolah dipilih iaitu Sekolah Menengah Ugama (SMU) Arab (A), Nahdatul Ulum dan Maahad As Sabirin di Jeli, sebelum diperluaskan ke sekolah lain tidak lama lagi.

Menerusi program itu, USIM menaja 100 naskhah *Berita Harian* setiap Rabu kepada dua sekolah terbabit mulai 13 Jun hingga 5 September depan untuk digunakan sebagai bahan rujukan pelajarannya.

Majlis penyerahan tajaan kepada sekolah berkenaan diselenggarakan Pegawai Khas Menteri

Pengajian Tinggi, Dr Azmi Setapa, di Jeli, kelmarin.

Hadir sama Timbalan Pendaftar, Perhubungan Korporat USIM, Arshad Hamzah dan Eksekutif Pemasaran NSTP, Kota Bharu, Hawari Mohamed.

Terdahulu dalam ucapannya, Arshad, berkata USIM mengambil inisiatif menyumbang akhbar *Berita Harian* kepada sekolah terpilih bertujuan meningkatkan pencapaian pelajar terutama aliran agama di sekolah luar bandar.

"USIM memilih akhbar ini kerana ia mempunyai sisipan *SKOR* yang boleh digunakan dalam kelas oleh guru dan pelajar sebagai perediaan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini," katanya.

Sementara itu, Azmi, berkata tajaan akhbar itu mampu membuka minda pelajar terutama di luar bandar melalui berita dan maklumat yang disiarkan akhbar berkenaan.

"Saya berharap, pelajar akan menggunakan sepenuhnya akhbar *Berita Harian* sebagai rujukan dan bahan bacaan tambahan," katanya.



SERAH TAJAAN: Azmi (kiri) menyerahkan akhbar *Berita Harian* kepada Mohamad Ibrahim, di sekolah berkenaan, di Jeli, kelmarin.